

Newspaper	Utusan Melayu
Date	05/08/17F

Gagal lagakan Najib, Ahmad Zahid

UM-5/8/2017 pg. 8

KUALA LUMPUR 4 Ogos - Pengerusi Pakatan Harapan yang diketuai DAP, Tun Dr. Mahathir Mohamed gagal dalam cubaannya untuk mewujudkan pergeseran antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Mukhriz Ahmad Fuad berkata, usaha Dr. Mahathir menemui kegagalan berikutan sikap Ahmad Zahid yang tidak cepat melatah dan sentiasa setia atau wala' terhadap Perdana Menteri.

Menurut beliau, kenyataan Dr. Mahathir baru-baru ini berhubung pertemuannya dengan Ahmad Zahid kononnya bagi menjatuhkan Najib merupakan strategi politik untuk menimbulkan perselisihan dalaman yang berupaya merobohkan UMNO.

"Saya masih ingat Dr. Mahathir sendiri pernah menyatakan UMNO kuat dari dalam kerana Presiden menjaga ahli-ahlinya. Pembangkang ketika ini sukar tumbangkan parti dari luar kerana kukuhnya jalinan hubungan antara ahli jadi mereka ingin mewujudkan pergeseran antara kedua-dua pemimpin utama UMNO. Jadi apa yang berlaku adalah Dr. Mahathir melontar idea itu untuk menimbulkan pergeseran.



AHMAD MUKHRIZ AHMAD FUAD (duduk, dua dari kiri) bersama Shahrudin Ahmad (dua dari kanan) membuat kenyataan menyokong kepemimpinan Najib Tun Razak dan Ahmad Zahid Hamidi dalam sidang akhbar di Ampang, Selangor, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A.MAJID

"Berdasarkan sejarah, Ahmad Zahid menjadi contoh kepada kami golongan muda dalam usaha mengekalkan keutuhan parti," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pekan, Datuk Shahrud-

in Ahmad.

Ahmad Mukhriz mengulas laporan beberapa portal berita kelmarin berhubung dakwaan Dr. Mahathir bahawa Ahmad Zahid pernah berjumpa dengannya bagi mendapatkan sokongan untuk menjatuhkan Perdana Menteri.